

FUQAHA DISCUSSION ABOUT *AL-IHTIYAT* IN HALAL HARAM SYUBHAH'S PROBLEM

WACANA FUQAHA TENTANG KAEDAH *AL-IHTIYAT* DALAM MASALAH SYUBHAH HALAL HARAM

Mohd Hapiz Mahaiyadin¹

¹ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang. mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

Article Progress

Received:

1st Februari 2018

Revised:

15th February 2018

Accepted:

30th March 2018

Vol. 1. No. 1
April Issue
2018

Abstract

This study will touch on the legal knowledge of the use of consumer products that apply mixed (ikhtilat) halal and illegal elements. The focus of this study is the issue of confusion (consumer) on the usability of a particular product, especially the food being tried to solve based on the al-ihhtiyat method. The necessity or restriction of the use of the syubhah product based on al-ihhtiyat should consider several factors such as the rate and quantity of mix and halal dominance of the goods, products or consumer goods as a whole. Therefore, this study will look at and analyze the position of al-ihhtiyat in the discussion of the fuqaha and then submit some solutions that can solve the confusion of the legal status of the use of any halal products, materials, objects and resources mixed with illegal elements.

Keywords: Syubhah, ihtiyat, halal, haram, mixing.

Abstrak

Kajian ini akan menyentuh tentang pengetahuan hukum penggunaan produk kepenggunaan yang berlaku percampuran (ikhtilat) unsur halal dan haram. Fokus kajian ini ialah isu kekeliruan (syubhah) pengguna terhadap kebolegunaan sesuatu produk khususnya makanan yang cuba diatasi berdasarkan kaedah al-ihhtiyat. Keharusan atau larangan penggunaan produk syubhah berdasarkan al-ihhtiyat tersebut perlu mempertimbangkan beberapa faktor seperti kadar dan kuantiti campuran serta dominasi halal haram terhadap barangan, produk atau barangan pengguna secara keseluruhan. Justeru, kajian ini akan melihat dan menganalisis kedudukan al-ihhtiyat dalam perbincangan para fuqaha dan seterusnya mengemukakan beberapa solusi yang boleh menyelesaikan kekeliruan status hukum penggunaan sebarang produk, bahan, benda dan sumber halal yang bercampur dengan unsur haram.

Kata kunci: Syubhah, ihtiyat, halal, haram, percampuran.

PENDAHULUAN

Penggunaan pelbagai sumber alam adalah harus berdasarkan kaedah fiqh *al-asl fi al-ashya' al-ibahah*¹ kecuali terdapat dalil yang mengharamkannya. Namun, ketika berlaku syubhah atau kekeliruan status sesuatu bahan daripada sumber tersebut, terdapat beberapa instrumen digunakan oleh fuqaha untuk memilih antara halal dan haram.

Antaranya kaedah *al-ihhtiyat* (berwaspada) yang juga menunjukkan bahawa justifikasi keharusan atau pengharaman penggunaan bahan-bahan syubhah adalah tidak statik kerana beberapa faktor perlu diambil kira seperti kadar, kuantiti dan kesan campuran halal haram terhadap keseluruhan sesuatu bahan, produk atau barang guna.

PEMAKAIAN KAEDAH *AL-IHTIYAT* DALAM PERKARA SYUBHAH

Kekeliruan ataupun syubhah kebolegunaan sesuatu bahan dan benda mendapat perhatian para fuqaha terdahulu. Senario ini berlaku disebabkan banyak faktor. Masalah subjek hukum yang relatif dan penggunaan dalil penghujahan juga merupakan faktor wujudnya kekeliruan (Albahusayn, 2001; Humayd, 1982). Menurut Munib Syakir (1998), pada dasarnya terdapat tiga senario yang menyebabkan syubhah² iaitu:

- i. Masalah *ikhtilat* iaitu percampuran unsur halal dengan unsur haram dalam sesuatu perkara sama ada yang bersifat *hissi* (fizikal)³ atau *ma'navi* (bukan fizikal)⁴ dan juga yang boleh dibilang (*counted*) atau sebaliknya.
- ii. Masalah *ishtibah* iaitu kekeliruan disebabkan kontradiksi antara dua dalil yang salah satunya menunjukkan harus dan satu lagi menyatakan haram.
- iii. Masalah *shakk* iaitu keraguan dalam menetapkan kedudukan

sesuatu benda yang suci dengan najis, atau kekeliruan pada hukum disebabkan ketiadaan nas atau petunjuk nas terlalu umum (Albahusayn, 2001).

Kebanyakan ulama Hanafiyah, Malikiyah, Shafiiyah dan Hanabilah menggunakan kaedah *al-ihhtiyat* sebagai salah satu metod untuk menyelesaikan kes-kes syubhah atau kekeliruan dengan mengutamakan aspek haram berbanding aspek harus atau berpegang kepada pandangan paling berat berbanding pandangan lebih ringan.

Pemakaian kaedah ini merupakan suatu langkah untuk menjauhkan diri daripada terjerumus ke dalam perbuatan haram. Pencegahan setiap amalan yang menjurus kepada haram turut dianggap sebagai salah satu instrument *sad al-zara'ik*. Menurut Izz al-Din Ibn Abd al-Salam (1990) pengamalan *al-ihhtiyat* juga merupakan satu sifat *al-war'* yang dianjurkan dalam Islam.

Sebelum melihat pemakaiannya dalam pelbagai kes kepenggunaan yang melibatkan campuran unsur haram dan halal, perlu diketahui pengertian *al-ihhtiyat*, pandangan ulama dan syarat-syaratnya terlebih dahulu.

DEFINISI *AL-IHTIYAT*

Perkataan *ihhtiyat* berasal daripada *al-hawt* (ha wata) yang bermaksud sesuatu yang mengelilingi suatu perkara (Ibn Faris, 1979). Dalam Lisan al-^cArab, diterangkan sebagai mengambil pendirian tegas dalam pelbagai urusan atau berpegang dengan sesuatu yang dipercayai (Ibn Manzur, t.th).

Ihtiyat turut diuraikan sebagai mencari yang lebih beruntung dan berpegang kepada pandangan paling kukuh (Al-Fayyumi, t.th). Ia juga mempunyai hubungan makna dengan beberapa kalimah lain seperti *al-tawaqquf*, *al-taharruz*, *al-istizhar*, *al-*

¹ Bermaksud hukum asal semua benda adalah harus.

² Menurut Syakir, penyelesaian syubhah dalam ketiga-tiga perkara tersebut adalah berbeza dan tidak boleh diletakkan dalam satu kondisi yang sama.

³ Seperti benda dan produk dalam aspek pemakanan, minuman, pakaian, ubatan dan sebagainya.

⁴ Seperti percampuran halal haram dalam pelbagai transaksi dan pengurusan muamalat.

tawarru' dan *al-taharri* (Sima'i, 2006).

Daripada segi istilah pula, para ulama mengambil kira pelbagai sudut dalam pendefinisian *ihhtiyat*. Berdasarkan penelitian penulis, definisi-definisi tersebut memfokuskan kepada perlunya suatu pendirian berhati-hati dalam melaksanakan taklif syarak dengan penuh keyakinan.

Abu Bakr al-Jassas (1992) mentakrifkan *ihhtiyat* sebagai menjauhi perkara yang tidak selamat daripada dikenakan hukuman. 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (1990) pula menyamakan *ihhtiyat* dengan sifat warak yang ditafsirkannya sebagai meninggalkan perkara yang meragukan mukalaf kepada perkara yang tidak meragukan. Manakala al-Qarafi (1998) menegaskan sebagai meninggalkan perkara tidak dilarang demi menjauhi perkara yang terlarang.

Adapun Ibn Qayyim (1999; 1982) pula menyatakan *al-ihhtiyat* merupakan suatu kesungguhan dalam mengikuti sunnah dan amalan Rasulullah SAW, keluarga dan para sahabatnya tanpa bersikap keterlaluhan dan melampaui batas atau tanpa kecuaihan dan terlalu longgar. Selain itu, *ihhtiyat* turut ditakrifkan al-Jurjani (t.th) sebagai pemeliharaan diri daripada terjebak ke dalam dosa.

Dalam semua definisi tersebut, aplikasi *al-ihhtiyat* hanya dihadkan kepada meninggalkan (*tark*) perkara yang menimbulkan *mafsadah* sahaja. Pada hal pendirian berhati-hati turut mencakupi tindakan melakukan (*fi'l*) perkara yang mendatangkan *maslahah* kepada pengguna. Beberapa penulis seperti Ya'qub Albahusayn (2001), Salih Humayd (1982), Muhammad Umar Sima'i (2006), Ilyas Belka (t.th), Munib Shakir (1998) dan Qutb al-Raysuni (t.th) cuba memberikan suatu definisi yang komprehensif.

Dalam hal ini, penulis tertarik dengan Munib Shakir (1998) yang menjelaskan *ihhtiyat* sebagai sikap kewaspadaan agar tidak terjebak dalam perkara yang ditegah atau meninggalkan perkara yang disuruh ketika berlaku kekeliruan".

Definisi Munib Syakir (1998)

dilihat lebih tepat dan komprehensif kerana pada dasarnya para ulama menggunakan konsep *al-ihhtiyat* dalam mengatasi kekeliruan atau syubhah hukum dengan cara sama ada melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara. Asas dua tindakan tersebut merujuk kepada timbangtara *maslahah* ataupun *mafsadah* yang berkonflik, dengan memilih yang mana dianggap selamat kepada mukalaf.

Pandangan Ulama Mengenai Autoritinya

Kebanyakan ulama Hanafiyyah (Al-Sarakhsi, 2000), Malikiyyah (Ibn al-Arabi, 2003), Shafi'iyah (Al-Zarkasyi, 2000) dan Hanabilah (Al-Mirdawi, 1998) menerima malah mewajibkan pemakaian konsep *al-ihhtiyat* kerana menganggapnya sebagai salah satu instrumen ijtihad atau kaedah fiqh yang mencakupi pelbagai hukum furuk (Al-Syatini, t.th; al-Razi, 1979; Ibn Taymiyyah, 2004).

Al-ihhtiyat juga dijadikan sebagai salah satu metod pentarjihan dalil yang kontradik (Al-Amidi, 1983; Ibn Kathir, 1999). Pendekatan jumhur ulama ini bersandarkan kepada banyak nas al-Quran, hadis dan amalan para sahabat.

Antara ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan pengambilkiraan *al-ihhtiyat* adalah seperti Firman Allah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا انظُرْنَا
وَاسْمَعُوا وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu katakan (kepada Muhammad): "ra'ina", tetapi katakanlah: "unzurna", dan "dengarlah". dan bagi orang-orang yang kafir siksaan yang pedih" (al-Quran. Al-Baqarah: 104).

Allah melarang penggunaan kalimah *ra'ina* kepada umat Islam disebabkan dalam bahasa orang Yahudi bermaksud cacian dan kata nista. Larangan tersebut menjadi langkah berjaga-jaga (*al-ihhtiyat*) agar tidak digunakan untuk mencaci Rasulullah SAW secara tidak langsung.

Al-Qurtubi (2006) menegaskan ayat ini menjadi dalil agar menjauhi lafaz yang sebutannya kelihatan baik tetapi

mengandungi sindiran kepada maksud yang bertentangan dan menghina.

Antara dalil Hadis ialah seperti yang dilaporkan oleh al-Nu'man ibn Basyir RA, katanya:

{إِنَّ الْخُلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ، لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ، فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ}

Maksudnya: "Sesungguhnya halal itu jelas dan haram juga jelas. Antara keduanya terdapat banyak perkara mengelirukan, yang tidak diketahui oleh ramai orang. Maka sesiapa yang menjauhi shubuhah, sesungguhnya dia telah melepaskan (beban) agama dan kehormatannya. Sesiapa yang terjebak dalam shubuhah, dia telah terjebak dalam haram. Ibarat pengembala yang menjaga ternakan berhampiran kawasan larangan, ia dikhuatiri termasuk ke dalamnya. Ingatlah, setiap raja (pemilik) memiliki kawasan larangan sendiri dan ingatlah kawasan larangan Allah itu adalah perkara-perkara yang diharamkannya" (Hadis. Al-Bukhari, Kitab al-buyu' bab al-halal bayyin wa al-haram bayyin wa baynahuma mushtabihat, no hadis 2051; Muslim, Kitab al-musaqah, bab akhz al-halal wa tark al-shubuhah, no. hadis 107 (1599)).

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW menerangkan amalan *al-ihityat* dalam urusan agama dan kehormatan berlaku hanya bagi orang yang meninggalkan syubhah. Konsekuensinya sesiapa yang teralpa dan tidak berhati-hati seolah-olah mendedahkan dirinya kepada perkara haram yang nyata.

Al-Nawawi (2000) menegaskan orang yang berwaspada tentang dirinya pasti tidak akan menghampiri *hima Allah* (kawasan larangan Allah), tidak bergantung dengan perkara yang membawa kepada maksiat. Kerana itu dia tidak terjebak dalam sebarang perkara syubhah.

Al-Hasan ibn 'Ali RA. meriwayatkan sebuah hadis berbunyi:

{دَغْ مَا يَرِيئُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيئُكَ فَإِنَّ الصِّدْقَ طُمَأْنِينَةٌ وَإِنَّ الْكَذِبَ رِيبةٌ}

Maksudnya: "Tinggalkanlah perkara yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan. Sesungguhnya kebenaran itu suatu ketenangan dan pendustaan itu suatu keraguan" (Hadis. al-Tirmizi, Sifat al-qiyamah bab 'i'qilha wa tawakkal 'alayh, no. hadis 2518; al-Hakim, kitab al-buyu', hadis no. 2169).

Keengganan Rasulullah SAW memakan kurma kerana khuatir ia kurma sedekah (Hadis. al-Bukhari. *Kitab Al-Buyu'*, Bab Ma Yutanazzahu Min Al-Shubuhah. No. 2055; Muslim. *Kitab Al-Zakat*, Bab Tahrim Al-Zakat 'Ala Rasulillah. No. 162-(1070)).

Dalam satu kes perebutan seorang budak lelaki antara Sa'd ibn Waqqas dengan 'Abd ibn Zamghah (saudara Sawdah bint Zamghah, isteri Rasulullah SAW). Sa'd mendakwa budak tersebut anak kepada saudaranya, 'Utbah ibn Waqqas. 'Abd ibn Zamghah pula mendakwa dia anak kepada salah seorang hamba bapanya iaitu Zamghah. Akhirnya Rasulullah memutuskan ia adalah saudara kandung 'Abd ibn Zamghah. Walaubagaimanapun Baginda memerintahkan Sawdah binti Zamghah agar memakai hijab di hadapan budak tersebut sebagai langkah berjaga-jaga disebabkan rupanya mirip dengan 'Utbah ibn Waqqas (Hadis. Al-Bukhari. *Kitab Al-Buyu'*, Bab Tafsir Al-Shubuhah. No. 2053).

Para sahabat juga dikenal pasti beramal dengan *al-ihityat* dalam banyak keadaan. Contohnya Abu Bakar dan Umar RA. tidak pernah melakukan ibadat korban kerana tidak mahu orang ramai mengikuti perbuatan mereka berdua nanti dan menganggap ianya wajib (Hadis. Al-Bayhaqi. *Kitab al-Dahaya Bab Al-Udhiyah Sunnah Nuhibb Luzumaha Wa Nakrah Tarkaha*. No. 18812).

Dalam sebuah riwayat, Ibn 'Umar enggan memakai haruman sebelum berihram kerana khuatir akan ada orang jahil yang menyangka beliau memakainya selepas ihram (Ibn Qudamah, t.th). Begitu juga pendirian 'Uthman mengenai hukum mengahwini dua wanita bersaudara yang

salah seorangnya berstatus hamba (*milk al-yamin*). Jawab ‘Uthman terdapat ayat yang menghalalkan kedua-duanya dan ayat yang mengharamkan mereka berdua namun beliau memilih tidak melakukannya (Hadis. Malik. *Bab Al-Nikah Ma Ja’a Fi Karahiyyah Al-Isabah Al-Ukhtayn Bi Milk Al-Yamin Wa Al-Mar’ah*. No. 1974).

Daripada kesemua dalil dan hujah di atas, jelas menunjukkan konsep *al-ihhtiyat* diterima sebagai suatu kaedah syarak untuk menjauhi kekeliruan dan syubhah. Perbuatan menjauhi kedua-dua perkara itu dituntut bagi melunaskan (*istibra*)⁵ tanggungjawab agama dan kehormatan seseorang daripada melakukan perkara-perkara haram dan makruh atau meninggalkan perkara wajib dan sunat. Dengan mengamalkan *al-ihhtiyat*, seseorang itu memilih untuk berpegang kepada asas yang meyakinkan.

Para ulama telah merangka banyak kaedah fiqh berasaskan konsep *al-ihhtiyat*. Antaranya kaedah *darr’ al-mafasid awla min jalb al-masalih*, *al-khuru’ min al-khilaf mustahabb*, *idha ihtama’a al-halal wa al-haram ghulliba al-haram*, *idha ta’arada bayn al-hazr wa al-ibahah quddima al-hazr*, *al-hudud tudra’u bi al-shubhat* dan lain-lain.

HUKUM PEMAKAIAN KAEDAH AL-IHTIYAT

Daripada segi hukum pemakaiannya, terdapat tiga aliran menunjukkan sikap berbeza. Pertama, pandangan sebahagian besar ulama seperti al-Amidi (2003), Ibn ‘Abd al-Salam (1990) dan al-Shatibi (t.th) bahawa pengamalan *al-ihhtiyat* bergulir di antara wajib atau sunat berdasarkan situasi sesuatu kes. Ia diamalkan dalam pelbagai bidang hukum terutama aspek ibadat, nikah cerai dan muamalat.

Kedudukan hukum tersebut bergantung kepada faktor kekuatan andaian (*quwwat al-ihhtimal*) yang memerlukan *al-ihhtiyat* dan kesabitan dalil yang digunakan bagi menentukan hukum sesebuah kes (Sima’i, 2006). Pandangan ini mewakili hampir keseluruhan para fuqaha dalam penulisan mazhab empat

dengan berpandukan nas-nas al-Quran, hadis dan amalan para sahabat seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Kedua, golongan sufi sebagaimana dilaporkan oleh al-Syatibi (t.th) mengamalkan *al-ihhtiyat* secara berlebihan sehingga menolak pelbagai rukhsah syarak. Al-Ghazzali (1987) mencatatkan ramai tokoh besar sufi yang mengamalkan sifat warak *al-siddiqin* seperti Yahya ibn Kathir, Bishr al-Hafi, Zu al-Nun al-Misri dan lain-lain menolak untuk menggunakan pelbagai benda *mubahat* (harus) yang dikhuatiri bercampur dengan elemen haram atau penggunaan milik orang tanpa kebenaran.

Ketiga, Ibn Hazm (t.th) telah menolak pemakaian kaedah *al-ihhtiyat* sebagai suatu amalan wajib dan mengkritik dua pendekatan sebelum ini secara keras. Menurut beliau, semua maksud hadis yang diperhujahkan pada dasarnya hanya menganjurkan (menggalakkan) *al-ihhtiyat* atas dasar warak sahaja. Benar, orang yang tidak menjauhi *shubhat* tidak termasuk dalam kalangan ahli warak tetapi tidak boleh dianggap melakukan perkara haram kerana syubhah dan haram merupakan dua entiti yang berbeza.

Implikasi amalan *al-ihhtiyat* akan mengharamkan semua benda di atas muka bumi ini. Malah katanya, yang dikatakan *al-ihhtiyat* sebenarnya adalah tidak boleh mengharamkan sesuatu kecuali apa yang diharamkan oleh Allah dan tidak boleh menghalalkan sesuatu kecuali apa yang dihalalkan Allah (Ibn Hazm, t.th).

Berdasarkan semua pandangan di atas, penyelidik melihat para ulama menerima pemakaian *al-ihhtiyat* sebagai suatu ijmak amali yang dibuktikan melalui aplikasinya dalam pelbagai mazhab fiqh. Pemakaiannya yang meluas termasuk yang difahami oleh Ibn Hazm menunjukkan konsep *al-ihhtiyat* diterima sebagai salah satu mekanisme ijtihad dalam proses istinbat hukum dan pentarjihan dalil.

⁵ *Istibra*’ bermaksud menjaga agama dan kehormatan diri daripada pelbagai kekurangan dan kehinaan (Ibn Rajab, jil. 1, h. 203-204).

Dalam hal ini, ‘Abd Rabb al-Nabiy ‘Alim (t.th) berpendapat *al-ihhtiyat* merupakan salah satu daripada kaedah utama syariat Islam yang mengisyaratkan ianya tidak sepatutnya dikategorikan ke dalam dimensi kaedah fiqh (*qawa'id fiqhiyyah*) semata-mata.

Berbalik kepada kritikan Ibn Hazm, jika diperhatikan pernyataan beliau secara menyeluruh, penyelidik berpendapat tokoh ini juga menerima pemakaian *al-ihhtiyat*⁶ berdasarkan beberapa pernyataan lain yang mengesahkannya. Ibn Hazm hanya menolak *al-ihhtiyat* digunakan sebagai kaedah ijtihad untuk mewajibkan sesuatu benda yang harus kerana hukum syariah yang kekal sifatnya hanya terbina diatas asas keyakinan. Adapun asas selain itu termasuk *al-ihhtiyat* tidak boleh menjadikan sesuatu perkara itu halal atau haram. Justeru beliau hanya mencadangkan pemakaian kaedah tersebut sebagai *mandub* (sunnat) (Ibn Hazm, t.th).

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat dinyatakan ikhtilaf Ibn Hazm dengan jumhur ulama mengenai *al-ihhtiyat* hanya berlaku dalam masalah yang berpunca daripada syak terhadap andaian berlakunya implikasi hukum yang negatif seperti kes sabb al-zara'ic. Adapun *al-ihhtiyat* terhadap fundamental hukum secara umum, pandangan Ibn Hazm selaras dengan jumhur (Sima'i, 2006).

Dengan ini, pemakaian kaedah *al-ihhtiyat* patut diterima sebagai satu metod atau kaedah dalam pengamalan hukum Islam terutama berkaitan hal ehwal kepenggunaan yang menjadi subjek dalam penyelidikan ini.

Bidang Aplikasi Kaedah *al-ihhtiyat*

Kebanyakan fuqaha mazhab mengaplikasi kaedah *al-ihhtiyat* tanpa menghuraikannya dalam satu bab khusus. Ia dapat dikesan dalam pelbagai aspek hukum syarak yang dibahaskan dalam penulisan fiqh mazhab masing-masing.

Namun terdapat beberapa penulisan yang membincangkan secara khusus tentang perkara *shubuhah* yang dianjurkan *berihhtiyat* atas dasar sifat warak seperti al-Ghazzali⁷, Ibn al-Jawzi⁸, Ibn Qudamah (1991), dan Ibn Qayyim (1982; 1999) dan al-Syawkani (t.th.).

Berdasarkan pembacaan dan penelitian penyelidik, secara umumnya kaedah *al-ihhtiyat* digunakan dalam dua kategori berikut:

Pertama: Kategori *Shubuhah*

Ia terbahagi kepada dua keadaan berikut:

- i. *Shubuhah fi al-hukm*⁹ iaitu kekeliruan yang berlaku pada penggunaan dalil yang boleh dijadikan sandaran hukum.
- ii. *Shubuhah fi al-mawdu'*¹⁰ iaitu kekeliruan mengenai subjek hukum sama ada patut dikategorikan dalam hukum haram atau harus. Kes ini kebiasaannya melibatkan percampuran elemen halal dan haram yang terjadi dalam tiga keadaan (Al-Suyuti, 1983):
 - a) Percampuran elemen haram dengan subjek halal yang sedikit¹¹,
 - b) Percampuran elemen haram sedikit dengan subjek halal yang banyak¹²,
 - c) Percampuran elemen haram yang banyak dengan subjek halal yang banyak¹³.

⁶ Antaranya kata beliau "Setiap benda atau dua benda yang kita yakini terdapat benda haram dalamnya yang tidak diketahui, maka hukumnya perlu *birtawaqquf* sehingga jelas yang haram daripada halal. Ini kerana tempat tersebut terdapat benda haram yang diyakini, yang mana ianya wajib dijauhi. Keadaan ini berbeza daripada perkara yang *mashkuk* (diragui) yang tidak diyakini kedudukannya sejak asal". Lihat Ibn Hazm, h. 16.

⁷ Beliau membahaskannya dalam dua kitabnya iaitu *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *al-Halal wa al-Haram*.

⁸ Beliau menulis buku bertajuk *Minhaj al-Qasidin* yang meringkaskan buku *Ihya' 'Ulum al-Din* imam al-Ghazzali.

⁹ Juga disebut *shubuhah hukmiyyah*.

¹⁰ Juga disebut *shubuhah mahalliyyah*.

¹¹ Semua campuran tersebut wajib dijauhi.

¹² Semua campuran tersebut boleh digunakan.

¹³ Campuran tersebut boleh digunakan selagi tidak kelihatan tanda-tanda ianya daripada elemen haram. Para ulama menggalak kes ini dijauhi atas dasar warak. Akan tetapi masih halal untuk digunakan dan para penggunanya tidak dihukum

Kedua, Kategori *Ishtibah* Atau *Shakk*

Iaitu kekeliruan terhadap hukum syarak disebabkan keraguan pada kondisi sesuatu perkara. Ia dapat dijelaskan melalui empat keadaan di bawah:

- i. Suatu perkara pada asalnya diketahui haram tetapi berlaku keraguan pada kehalalannya¹⁴.
- ii. Sesuatu perkara pada asalnya diketahui halal tetapi berlaku keraguan pada pengharamannya¹⁵.
- iii. Sesuatu pada asalnya haram tetapi wujud sangkaan kuat (*zann ghalib*) ia menjadi halal bersandarkan sebab kukuh yang diakui syarak¹⁶.
- iv. Sesuatu pada asalnya halal tetapi wujud sangkaan kuat ia menjadi haram disebabkan sebab-sebab kukuh yang diakui syarak¹⁷.

Penjelasan tentang beberapa masalah *ikhtilat*, *shakk* dan *ishtibah* seperti di atas akan membuka pengetahuan atau menyediakan panduan penggunaan produk campuran bahan-bahan tidak diketahui, diragui dan haram dalam penghasilan produk makanan, minuman, ubatan, kosmetik, aksesori dan pakaian. Fenomena seperti ini memerlukan suatu penjelasan yang memuaskan agar pengguna tidak lagi berada dalam kekeliruan.

Hukum Penggunaan Benda Bercampur antara Halal dan Haram

Dalam sub tajuk ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada hukum masalah penggunaan benda yang bercampur antara halal dengan haram kerana isu ini melibatkan tindakan pengguna secara langsung. Berbanding masalah *shakk* atau *ishtibah* tentang dalil dan kaedah penetapan hukum yang mana berkait dengan kepakaran dan ijtihad ulama.

Justeru dalam menetapkan hukum penggunaan tersebut, penyelidik berpandangan perlunya ada suatu kerangka sistematik yang mendasari

semua permasalahan *ikhtilat* yang dibahaskan ulama. Kerangka tersebut perlu mengambilkira dua aspek penting iaitu pertama; kategori haram dan kedua; dominasinya terhadap unsur halal.

Dalam huraian ini, penyelidik akan menggunakan medium pembahagian *muharramat* kepada dua kategori iaitu *muharram li 'aynihi* dan *muharram li kasbihi*. Seterusnya berdasarkan dua kategori ini, akan dilihat pula sejauhmana dominasi haram dalam percampuran tersebut selain kemungkinan dibolehkan untuk dilakukan pengasingan antara halal dan haram. Justeru penyelidik akan menjelaskan semuanya dalam dua senario utama.

Senario Pertama: *Muharram Li 'Aynihi* Bercampur Dengan Halal

Hukum masalah ini perlu dijelaskan pula menerusi dua keadaan:

- i. Sekiranya kesan haram jelas ternampak pada halal, para pengguna tidak boleh menggunakannya dan wajib *berihtiyat* daripada campuran tersebut kerana aspek haram lebih dominan. Contohnya percampuran najis dan bangkai seperti babi, anjing, arak dan seumpamanya ke dalam makanan dan minuman sehingga berubah rasa, warna dan bau asal yang halal. Pengharaman campuran ini disokong ijmak ulama disebabkan dominasi haram terhadap halal. Nisbah *muharramat* yang banyak dalam campuran tersebut pasti akan digunakan bersama unsur halal secara tidak langsung jika ia dimakan (Ibn Qayyim, t.th; al-Zarkasyi, 1994; Ibn Hazm, t.th).
- ii. Sekiranya kesan haram tidak kelihatan, penggunaan campuran tersebut tidak haram. Ini kerana unsur haram sedikit yang

fasik. Al-Zarkashi menyatakan jumhur ulama mengutamakan aspek larangan hanya dalam kes campuran yang tidak boleh diasingkan. Jika boleh diasingkan, ia harus digunakan.

¹⁴ Hukumnya wajib dijaui.

¹⁵ Hukumnya adalah halal.

¹⁶ Hukumnya adalah halal dan digalakkan menjauhinya atas dasar warak.

¹⁷ Sangkaan tersebut membatalkan konsep keharusan hukum asal dan dihukum sebagai haram.

terlindung itu dianggap tidak wujud daripada segi hukum. Status ini berasaskan baik dan jijiknya sesuatu benda disebabkan sifat yang ada padanya. Sesuatu benda dihukum harus jika sifat *tayyib*nya berkekalan. Sekiranya sifat seperti warna, bau dan rasa itu hilang maka statusnya juga akan berubah menjadi haram (Al-Qarafi, 2001; Ibn Taymiyyah, 2004). Dalam kondisi ini, menurut Syakir pemakaian *ihhtiyat* tidak dianjurkan.

Kesan campuran haram dianggap tidak kelihatan jika disebabkan tiga proses berikut iaitu:

- i. Berlaku proses *istihlak* (penguraian) benda haram dalam benda halal¹⁸.
- ii. Berlaku proses *istihalah* (perubahan) yang sempurna,
- iii. Pembersihan sifat dan zat benda haram tersebut¹⁹.

Sehubungan kondisi di atas, majoriti ulama menegaskan percampuran unsur haram sedikit dengan benda halal yang banyak adalah dimaafkan (Ibn Qudamah, t.th; al-Nawawi, 1991). Namun sebahagian fuqaha menyarankan supaya tidak menggunakannya (Malik, 1994; Ibn Taymiyyah, 2004). Manakala penentuan kadar sedikit daripada sesuatu benda haram adalah berdasarkan kepada kebiasaan (*urf*) masyarakat (Al-Kasani; al-Suyuti, 1983).

Senario Kedua: *Muharram Li Kasbihi Bercampur Benda Halal*

Sebagaimana dijelas sebelum ini, kategori *muharram* ini pada asalnya adalah harus tetapi menjadi haram disebabkan faktor-faktor lain seperti barang yang dicuri atau diperolehi daripada transaksi yang tidak sah. Huraian perlu ditentukan melalui dua kemungkinan:

- i. Percampuran yang boleh diasingkan antara unsur haram dan halal. Dalam kondisi tersebut, pengasingan unsur haram wajib dilakukan. Contohnya seperti duit (harta) haram bercampur dengan yang halal. Penggunaan semua harta tersebut haram sebelum pengasingan berlaku (Al-Zarkasyi; al-Suyuti, 1983; Ibn Qayyim, t.th).

Kaedah pengasingan unsur haram dijalankan dengan cara mengeluarkan kuantiti sebenar harta haram tersebut ataupun anggaran amaun yang menyamai nilainya. Baki yang ditinggalkan adalah halal digunakan (Al-Suyuti, 1983; Ibn Qayyim, t.th).

Jika unsur haram mempunyai jenis yang sama (*mithli*) boleh diganti, maka wajib dikeluarkan jenis yang serupa dengannya. Para ulama memberikan contoh seperti gandum atau minyak yang dirampas. Walaupun bentuk asalnya sudah bercampur aduk dengan unsur halal, pengasingan boleh dibuat dengan mengeluarkan jenis gandum yang sama sebagai ganti (Al-Zarkasyi; al-Suyuti, 1983; Ibn Qayyim, t.th).

- ii. Percampuran yang tidak boleh diasing antara halal dan haram. Keadaan ini perlu ditetapkan daripada segi kuantiti kedua-duanya terlebih dahulu. Ia dapat dijelaskan dalam empat gambaran berikut:

- a. Percampuran antara halal terhad (*limited halal*) dengan haram terhad (*limited haram*) seperti masalah percampuran bangkai dengan haiwan sembelihan atau saudara susuan dengan sejumlah wanita tertentu. Dalam kes ini, penggunaan *al-ihhtiyat* adalah wajib yang menuntut

¹⁸ Contohnya seperti setitis susu seorang wanita yang termasuk ke dalam air yang diminum oleh seorang kanak-kanak sedang menyusu. Ia tidak menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai anak susuan. Begitu juga kes campuran setitis arak yang terlarut dalam minuman, peminumnya tidak

dikenakan had minum arak (Al-Zarkashi, 1994). Namun sekiranya najis yang bercampur itu tidak hilang maka diharamkan penggunaannya.

¹⁹ Contohnya seperti air mustakmal/mutanajjis yang kurang daripada dua kolah apabila dicampur menjadi dua kolah dihukum suci.

percampuran tersebut dijaui (Al-Ghazali, t.th).

- b. Percampuran antara halal terhadap (*limited halal*) dengan haram banyak (*unlimited haram*), maka pengguna digalakkan menjauhi semua campuran tersebut (Al-Ghazali, t.th). Seperti kes isteri seseorang yang bercampur dengan wanita lain. Lelaki itu tidak boleh menyetubuhi semua wanita atas dasar *ihhtiyat* (Al-Nawawi, majmuk)
- c. Percampuran antara halal tidak terhadap (*unlimited halal*) dengan haram terhadap (*limited haram*). Contohnya seperti seekor bangkai bercampur dengan banyak sembelihan lain yang halal atau bekas tadahan air kencing dengan banyak bekas yang bersih.

Seseorang itu boleh memakan sebahagian sembelihan atau berwuduk dengan menggunakan sebahagian bekas tadahan tanpa sebarang khilaf (al-Juwayni, 1979; al-Nawawi,; Ibn Taymiyyah, 2004). Dalam kondisi ini, orang yang tidak menggunakan campuran tersebut dikategorikan sebagai was-was bukannya warak (Al-Zarkasyi, 2004).

- d. Percampuran antara haram tidak terhadap (*unlimited haram*) dengan halal tidak terhadap (*unlimited halal*). Ulama memberikan contoh seperti percampuran harta haram dengan yang harus pada zaman sekarang sebagaimana terpaksa berurusan dengan orang yang sebahagian hartanya daripada sumber haram. Penggunaan harta hasil campuran tersebut tidak diharamkan malah harus digunakan selagi harta tersebut tidak terbukti berasal daripada haram secara langsung (Al-Ghazali, t.th).

Dalam kondisi ini, penggunaan kaedah *al-ihhtiyat* hanya dianggap suatu sikap warak untuk menjauhi harta yang bercampur. Walaubagaimanapun orang yang menggunakannya tidak dihukum fasik (Al-Ghazali, t.th).

Galakan *berihhtiyat* dalam situasi ini bergantung kepada pertambahan nisbah haram. Jika banyak nisbah haramnya maka digalakkan agar bersifat warak. Sebaliknya jika nisbah halal pula banyak, maka sifat warak tidak lagi menjadi keutamaan (Ibn Abd al-Salam, 2003).

Syarat Pemakaian Kaedah *al-ihhtiyat*

Pemakaian *al-ihhtiyat* merupakan satu bentuk ijtihad bagi menentukan posisi hukum sesuatu bahan yang dianggap syubhah kerana percampuran halal dan haram.

Justeru, pemakaiannya tertakluk kepada beberapa peraturan dan syarat supaya tidak menyalahi prinsip dan asas utama syariah di samping hasil ijtihad itu tidak menimbulkan implikasi buruk terhadap kesejahteraan hidup mukalaf. Al-Ghazzali (t.th) memberikan peringatan berikut:

"Manusia tidak sepatutnya sibuk dengan soal warak yang terlalu mendalam melainkan dengan panduan ulama yang teliti. Apabila ia melampaui garis panduan syarak dan bertindak mengikut fikiran sendiri tanpa mendengar (panduan ulama), kerosakan yang dilakukannya jauh lebih besar daripada kebaikan".

Antara syarat yang perlu dipatuhi dalam pemakaian *al-ihhtiyat*, adalah seperti berikut:

- i. Tidak terdapat nas dalam isu yang menggunakan *al-ihhtiyat* kerana ia merupakan suatu pendekatan ijtihad yang diaplikasikan ketika ketiadaan dalil.
- ii. Elemen syubhah yang mendorong ke arah *al-ihhtiyat* sangat kuat dan diiktiraf.
- iii. Pemakaian kaedah *al-ihhtiyat* tidak menyebabkan berlaku percanggahan dengan nas sahih dan jelas petunjuknya.

- iv. Tidak menyebabkan timbul kesulitan kronik yang tidak mampu ditanggung oleh pengguna.
- v. Tidak mengakibatkan pengabaian *masalah* lebih utama.

Rumusan Mengenai Kaedah *al-Ihtiyat*

Daripada perbincangan sebelum ini, beberapa perkara berikut dapat dirumuskan:

- i. Penggunaan *al-ihtiyat* ataupun sebaliknya dalam pemilihan dalil yang kontradik bagi kes *shubhah hukmiyyah* perlu dirujuk kepada mekanisme penentuan hukum yang dibahaskan usuliyun dalam kitab-kitab usul fiqh dan *maqasid* syariah.
- ii. Adapun dalam kes *shubhah mahalliyah*²⁰ pula, penyelidik bersetuju dengan Yaqub Albahusayn yang mengutamakan pengambilkiraan prinsip *raf' al-harj* dalam kes-kes yang boleh menimbulkan kesukaran kepada pengguna dengan menghukumkannya harus seperti dalam aspek perubatan. Manakala kes-kes yang tidak mengakibatkan kesukaran seperti aspek pemakanan bukan asasi²¹, kaedah *al-ihtiyat* hendaklah digunakan (Albahusayn, 2001).
- iii. Keadaan yang mewajarkan penggunaan *al-ihtiyat* perlu melihat kepada kemaslahatan orang ramai dan mengambilkira faktor keadaan masa kini. Justeru itu, ia perlu menepati syarat-syarat yang ditetapkan agar tidak menyulitkan kemaslahatan pengguna, terutamanya dalam bidang selain ibadat.
- iv. Anjuran penggunaan *al-ihtiyat* seharusnya menjadi amalan golongan ulama dan pihak yang terlibat secara langsung, yang mengetahui atau menyaksikan

kedudukan sebenar sesuatu kes syubhah tanpa memaksa pengamalan tersebut ke atas orang awam.

Al-Dihlawi (1176 H.), pengarang kitab Hujjat Allah al-Balighah menyebut pemakaian kaedah *al-ihtiyat* adalah suatu kemestian. Walaubagaimanpun beliau menyarankan orang berilmu perlu bersikap warak dan menjauhi perbuatan yang meragukan tetapi tidak wajar memutuskan atau mengeluarkan fatwa yang mengikat orang ramai. Dia boleh bertegas terhadap dirinya dengan *berihhtiyat* selagi tidak terjerumus ke arah ekstremisme agama.

Berdasarkan pemerhatian al-Qaradawi (2011) terhadap keadaan umat Islam masa kini, beliau menyarankan para ulama kontemporari agar mengamalkan (memfatwakan) pandangan berpaksikan roh *taysir* yang menyediakan kelonggaran kepada umat Islam daripada sudut amalan. Dalam pada itu, pemakaian kaedah *al-ihtiyat* dan kepatuhan kepada hukum *'azimah* tidak seharusnya diaplikasikan secara meluas dan terlalu rigid.

- v. Penggunaan subjek halal yang didakwa bercampur dengan elemen *mashbuh* atau haram di negara umat Islam seharusnya dihukumkan halal atau harus sehingga terbukti penggunaan unsur haram yang diyakini jijik dan memudaratkan pengguna.

Menurut Salih Humayd (1982), dalam sesebuah negara Islam, jika tidak timbul perkara-perkara yang meragukan, para pengguna tidak perlu memperhalusi atau menyoal selidik

²⁰ Seperti kes percampuran elemen haram yang sedikit dengan objek halal yang banyak dan percampuran sama banyak antara haram dengan halal. Kaedah *al-ihtiyat* digunakan dalam kes-kes tersebut walaupun hukum penggunaannya adalah halal. Namun jika didapati para pengguna berhadapan kesukaran untuk mendapatkan

produk perubatan yang halal sepenuhnya, maka pemakaian prinsip *raf' al-harj* perlu diutamakan daripada beramal dengan kaedah *al-ihtiyat*.

²¹ Bukan makanan asasi seperti makanan jajan (*junk food*) dan makanan segera (*fast food*) yang banyak terdapat di pasaran.

barang-barang kegunaan umat Islam.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sajastani. 1999. *Masa'il al-Imam Ahmad*. Misr: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Amidi, Sayf al-Din 'Ali ibn Muhammad. 2003. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. jil. 4. Riyad: Dar al-Sumay'i.
- Albahusayn, Ya'qub 'Abd al-Wahhab. 2001. *Raf' al-Harj fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasah Usuliyyah Ta'siliyyah*, Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Al-Bayhaqi, Ahmad ibn al-Husayn. 1994. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. jil. 9. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Baz,
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il 2002, *Sahih al-Bukhari*. Dimasq: Dar Ibn Kathir.
- Al-'Attar, Hassan ibn Ahmad. T.th. *Hashiyah al-Attar ala Sharh al-Jalal al-Mahalli 'Ala Jam' al-Jawami'*. jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Fayyumi, Ahmad ibn Muhammad. T.th. *al-Misbah al-Munir*. jil. 1. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. 1987. *al-Halal wa al-Haram*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. T.th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Hakim, Muhammad ibn Abd Allah al-Naysaburi. 1990. *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad ibn Ali. 1992. *Ahkam al-Qur'an*. jil. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Jurjani, 'Ali ibn Muhammad al-Sayyid al-Sharif. T.th. *al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Al-Juwayni, Imam al-Hamayn 'Abd al-Malik ibn 'Abdullah. 1400H. *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Zalam*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.
- Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud. 2003. *Bada'i' al-Sana'ic fi Tartib al-Shara'ic*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mirdawi, Ala' al-Din Abu al-Hasan Ali ibn Sulayman. 1998. *al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'ala Mazhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Sharaf. 2000. *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*. jil. 11. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya ibn Sharaf. 1991. *Rawdat al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*. jil. 1. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf 'Abdullah. 2011. *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asir fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qarafi, Abu al-'Abbas Ahmad ibn Idris. 1998, *al-Furuq*. jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 2001. *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. jil. 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. jil. 2. Beirut: Al-Resalah Publishers.
- Al-Razi, Muhammad ibn 'Umar. 1979. *al-Mahsul fi Ilm al-Usul*. jil. 5. Riyad: Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyyah.
- Al-Sarakhsi, Shams al-Din Muhammad ibn Abi Sah.l 2000. *al-Mabsut*. edisi ke-4, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Musa. T.th. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*. jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali. T.th. *Kashf al-Shubuhat 'an al-Mushtabihat*. Misr: Matba'ah al-Ma'ahid.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1983. *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad ibn 'Isa. 1996. *al-Jami' al-Kabir*. jil. 4. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad ibn Abd Allah Bahadur. 1994. *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. jil. 1. T.tp: Dar al-Kutub.

- Al-Zarkhasi, Badr al-Din Muhammad ibn Bahadur. 2000. *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Humayd, Salih ibn Abdullah. 1982. *Raf' al-Harj fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Dawabituhu wa Tatbiqatuhu*, Umm al-Qura University, Makkah. Tesis Ph.D. Tidak diterbitkan.
- Ibn al-Arabi, Abu Bakr Muhammad ibn Abdullah. 2003. *Ahkam al-Qur'an*. jil.1. T.tp: T.pt.
- Ibn al-Qayyim. 1999. *Ighathah al-Lahfan fi Masayid al-Shaytan*. jil. 1. T.tp: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn al-Qayyim, Shams al-Din Abu Abdullah. 1982. *al-Ruh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Abd al-Salam, Izz al-Din Abd al-Aziz. 1990, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. jil. 2. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. jil. 2. T.tp: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad. T.th. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. jil. 6. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Kathir, Isma'il ibn Umar. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. jil. 1. Riyad: Dar Tayyibah.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram. T.th. *Lisan al-Arab*, jil. 7. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim, Shams al-Din Muhammad ibn Abi Bakr. T.th. *Bada'ic al-Fawa'id*. jil. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad. T.th. *al-Mughniyy*. jil. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Qudamah, Ahmad ibn Abd al-Rahman al-Maqdisi. 1991, *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*, T.tp: Dar al-Hikmah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. 2004. *Majmu' Fatawa*. jil. 20. Madinah Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd.
- Izz al-Din, Ibn Abd al-Salam. 2003. *Shajarat al-Ma'arif wa al-Ahwal wa Salih al-Aqwal wa al-A'mal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Malik ibn Anas, al-Asbuhi. 2004. *al-Muwatta'*. jil. 3. T.tp: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Al Nahyan.
- Malik ibn Anas, al-Asbuhi. 1994. *al-Mudawwanah al-Kubra*. jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn ibn al-Hajjaj. 2006. *Sahih Muslim*, Riyad: Dar Tayyibah.
- Shakir, Munib Mahmud. 1998. *al-Amal bi al-Ihtiyat fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Sima'i, Muhammad Umar. 2006, *Nazariyyat al-Ihtiyat al-Fiqhiyy Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*. University of Jordan. Tesis Ph.D tidak diterbitkan.

Internet

- Alim, Abd Rabb al-Nabiy. T.th. *Qa'idat al-Ihtiyat Fi Al-Shari'at Al-Islamiyyah Wa Tatbiqatuhu Lada Ba'd Mufasssir al-Asr al-Hadith*. <http://www.islamfeqh.com/Nawazel/NawazelItem.aspx?NawazelItemID=274> (diakses pada 5 Januari 2014).
- Ilyas Belka. http://ilyassbelga.blogspot.com/2012/01/blog-post_5943.html (diakses pada 6 Januari 2014).
- Al-Raysuni, Qutb T.th. *al-Ihtiyat al-Shar'i Haqiqatuhu wa Dawabituhu* dalam www.denama.com/main/articles.aspx?article_no=7741&pgtyp=66 (Diakses pada 24 Desember 2013).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.